



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	17/9/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	: 14
JABATAN	:	TNB		

KeTSA sumbang pelitup muka kepada pelajar Tingkatan Enam

PUTRAJAYA - Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) menerusi Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan menyumbang pelitup muka bernilai RM200,000 kepada 88,787 pelajar Tingkatan Enam di seluruh negara.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan berkata,

sumbangan berkonsepkan Keluarga Malaysia itu menyasarkan penerima dalam golongan B40 dan yang memerlukan tanpa mengira latar belakang.

"Saya harap sumbangan ini dapat mengurangkan beban keluarga daripada golongan B40 dalam menyediakan kelengkapan persekolahan anak-anak,"

katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Kementerian Pendidikan mengumumkan sesi persekolahan secara bersemuka bermula 3 Oktober ini mengikut fasa dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN) dan menggunakan kaedah penggiliran murid secara mingguan. - *Bernama*